

# Tadbir negara ikut undang-undang - Dr. M

UM - 5/10/2019 M/S: 2

**KUALA LUMPUR 4 Okt.** - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada rakyat bahawa kerajaan akan menadbir negara ini mengikut peraturan undang-undang, bukan berlandaskan undang-undang zalim seperti sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, undang-undang zalim menjadikan rakyat berasa amat tidak selamat kerana mereka boleh ditangkap dan ditahan tanpa perlu dibawa ke mahkamah undang-undang.

“Walaupun mereka (pentadbiran sebelum ini) menghapus-

kan undang-undang berkenaan, mereka gantikan dengan undang-undang lapuk yang lain,” katanya semasa berucap pada pelancaran Persidangan Perlembagaan dan Peraturan Perundangan LAWA-SIA, yang pertama di sini.

Dr. Mahathir berkata, terdapat prosedur yang perlu dipatuhi bagi memperkenalkan undang-undang baharu iaitu kerajaan perlu mendapatkan majoriti dua pertiga dalam Parlimen untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Perdana Menteri berkata, apabila Pakatan Harapan mengambil tampuk pemerinta-

han daripada Barisan Nasional, ia bukanlah hanya untuk menukar rejim tetapi juga menubuhkan sebuah pentadbiran yang lebih baik menggunakan pendekatan baharu termasuk peraturan undang-undang.

Dr. Mahathir berkata, ini kerana rakyat menjangkakan perubahan cepat atau akan mengutuk kerajaan sekiranya ia gagal menunaikan janji pilihan raya umumnya.

“Kami adalah mangsa manifesto kami. Kami akan mematuhi janji kami seboleh mungkin, tetapi ia bukan mudah,” katanya.